

04/10/2001

Asean perlu kekal dasar berkecuali

PENEGASAN terhadap prinsip zon aman, bebas dan berkecuali (Zopfan) yang diperakui negara Asean tidak sedikit pun berganjak sejak pertubuhan itu ditubuhkan. Dunia sudah pun mengiktiraf pendirian Asean dan sewajarnya pertubuhan yang dianggota 10 negara di rantau ini, tidak dibabitkan dalam apa juga bentuk percaturan ketenteraan, di mana-mana sekali pun. Sebagaimana negara Asean tidak mahu pihak lain campur tangan dalam urusan di rantau ini, begitu jugalah pendirian Asean terhadap wilayah lain di dunia.

Pendirian Malaysia bahawa Asean tidak harus menyertai perang, khusus dirujuk kepada perkembangan yang membabitkan Amerika Syarikat dan puak Taliban di Afghanistan, seharusnya dihormati. Asean mahu mengekalkan hubungan intim dengan setiap negara di dunia kerana sedar peperangan hanya membawa kemusnahan. Dunia perlu menghormati keputusan itu. Ini tidak bermakna Asean mahu mengasingkan diri dalam setiap pertelingkahan dunia, menyedari bahawa apa juga peristiwa yang berlaku di dunia terutama membabitkan kuasa besar, akan memberi kesan kepada rantau ini.

Sebaliknya, Asean boleh menjadi kuasa pengimbang untuk memulihkan keadaan. Sebagaimana ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Asean boleh menjadi kuasa moderate memainkan fungsinya dengan meminta supaya apa juga konflik, ditamatkan. Sekiranya Asean mengambil sikap memihak, sudah tentulah pertubuhan itu tidak dapat diterima oleh negara yang bertikai kerana akan dituduh mengambil sikap berat sebelah. Hanya dengan mengambil sikap berkecuali sajalah, maka Asean lebih mudah berbincang dengan pihak yang menghadapi krisis.

Menerusi rancangan In Conversation disiarkan oleh TV3 malam kelmarin, Dr Mahathir memberi alasan yang jelas bahawa jika Asean turut serta dalam peperangan, ia hanya memburukkan lagi konflik. Pertama, Asean perlu mendapat persetujuan sesama sendiri terlebih dahulu mengenai negara mana yang perlu disokong atau sebaliknya. Perbezaan pandangan di kalangan negara anggota adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan, memungkinkan tercetusnya perbalahan di kalangan negara Asean sendiri. Ini kerana walaupun Asean boleh dicantumkan dalam sebuah pertubuhan, kepentingan masing-masing, sama ada membabitkan soal ekonomi dan politik, tidak semestinya sehaluan.

Tambahan pula, konflik yang dihadapi hari ini boleh mencetuskan peperangan lebih besar akibat pertembungan tamadun yang dikuatkan lagi dengan perbalahan agama. Di dalam setiap negara anggota Asean juga muncul pendapat yang berbeza di kalangan pertubuhan atau rakyatnya. Golongan ini akan memberi tekanan kepada kerajaan masing-masing. Hari ini pun sudah jelas membuktikan demonstrasi dilakukan rakyat sesebuah negeri sama ada untuk menyokong atau menentang pihak yang terbabit dalam pertikaian. Hakikatnya, mencampuri pertikaian yang dihadapi di antara Amerika dan puak yang disokong Taliban, boleh mencetuskan peperangan lebih besar.

Sebagaimana Asean mengharapkan rantau ini aman, begitulah harapan pemimpin negara anggota itu terhadap suasana di seluruh dunia. Sebagai pertubuhan yang mempunyai penduduk 300 juta, Asean tidak perlu berganjak daripada pendirian berkecualinya. Asean tidak seharusnya mencampuri peperangan yang akan mengorbankan nyawa dan memusnahkan harta benda yang besar. Dengan tidak menyertai perang mewakili mana-mana pihak, Asean sebenarnya mengawal keadaan daripada merebak.

(END)

